

# Perisytiharan Darurat 1948 di Tanah Melayu

## Penelitian terhadap Beberapa Aliran dan Perspektif<sup>1</sup>

Azmi Arifin

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia

### Abstrak

Kertas kerja ini meneliti pelbagai tafsiran yang dikemukakan oleh ahli sejarah tentang faktor utama yang mempengaruhi kepada perisytiharan Darurat oleh British di Tanah Melayu pada 1948. Ahli sejarah yang membincangkan tentang Darurat 1948 umumnya terbahagi kepada beberapa aliran utama iaitu Ortodoks, Marxis, Revisionis, Neo-Ortodoks dan Pasca Revisionis. Pandangan umum yang dipegang oleh kebanyakan ahli sejarah khususnya daripada aliran Ortodoks dan Neo-Ortodoks menjelaskan Darurat diisytiharkan oleh pihak British sebagai reaksi terhadap keganasan komunis dan wujudnya rancangan pemberontakan bersenjata oleh PKM bagi menjatuhkan pemerintahan British. Namun mutakhir ini timbul kritikan meluas terhadap pegangan aliran tradisional itu yang dianggap terlalu bergantung kepada laporan dan pandangan rasmi khususnya yang dibawa oleh pihak perisikan dan pentadbiran British. Dengan terdapatnya bukti-bukti terbaharu melalui rekod-rekod yang baru dikeluarkan oleh pihak Arkib Kebangsaan British bermula sejak penghujung 1990-an, maka lahir pandangan alternatif yang mula mempersoalkan sama ada perisytiharan Darurat 1948 adalah disebabkan oleh pemberontakan PKM atau lebih didorong oleh tujuan lain yang berkaitan dengan kepentingan pengendalian jangka hayat penjajahan British di Tanah Melayu. Seseengah ahli sejarah aliran Revisionis mendakwa Darurat 1948 adalah satu bentuk 'perang kolonial' yang sengaja dicipta sebagai sebahagian daripada rancangan atau konspirasi pihak British untuk mengekang ancaman gerakan nasionalis berbanding komunis, yang sengaja dihalimunankan dan sering dituduh atau dikelirukan sebagai sebahagian daripada anasir komunis.

**Kata kunci:** Kolonialisme British, Nasionalisme, Parti Komunis Malaya, Darurat, Gerakan Kiri, Perang Kolonial, Perang Dingin

### Pengenalan

Perbincangan tentang kaitan antara Parti Komunis Malaya dengan perisytiharan Darurat di Tanah Melayu oleh British pada 1948 telah banyak dihasilkan. Kajian-kajian awal telah dikemukakan oleh beberapa sarjana Malaysia, antaranya Gwee (1966), Ramlan (1973), Khong (1975), Cheah (1977, 1979, 1983, 1987, 1992), Khoo dan Adnan (1984), Mohd Reduan (1993), dan Chin (1995). Penulis tempatan yang paling prolifik menyentuh tentang persoalan tersebut ialah Mahmud Embong, seorang sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang menghasilkan beberapa tulisan sejak 1980-an.<sup>2</sup> Apa yang menarik, jika dibandingkan dengan kajian-kajian lain yang lebih menekankan pengaruh PKM dalam

<sup>1</sup>Kajian ini dilakukan di bawah peruntukan Geran Penyelidikan USM 1001/PHUMANITI/816232. Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak USM atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan kajian ini.

<sup>2</sup>Lihat Abdul Rahman Embong, 1985, 1991, 1992a, 1992b, 1992c, 2003, 2004.

kalangan orang Cina, Mahmud sebaliknya lebih memfokuskan tentang pengaruh PKM dalam kalangan orang Melayu.

Namun tafsiran tentang sejarah gerakan komunis dan kaitannya dengan Darurat di Tanah Melayu lebih banyak dipengaruhi oleh kajian-kajian awal yang dihasilkan penulis-penulis luar. Antaranya ialah Purcell (1955), Hanrahan (1954), Miller (1954, 1972), Short (1954, 1964, 1975), Pye (1955), Brimmell (1956, 1959), Renick (1965), O'Ballance (1966), Clutterbuck (1967, 1973), Thompson (1967) dan Stenton (1971). Kajian mutakhir (selain oleh beberapa penulis tempatan seperti Ramakrishna 2002; Mahmud 2003, 2004; Cheah 2009; dan Ho 2010) umumnya turut dimonopoli oleh pengkaji Barat seperti Stenton (1980), Coates (1992), Furedi (1994a, 1994b), Carruthers (1995), Harper (1999), Short (2000), Stockwell (1987, 1993, 2006), Deery (2003, 2007), Stubbs (1989, 2008), Hack (1995, 1999, 2001, 2009), Comber (2009) dan Stahl (2010). Tulisan mereka memaparkan pelbagai sudut pandangan yang dipegang oleh ahli sejarah. Namun pentafsiran tentang perkembangan politik Tanah Melayu tahun 1940-an dan 1950-an khususnya yang menyentuh tentang isu komunisme dan Darurat boleh dipecahkan kepada beberapa aliran utama. Antaranya ialah Ortodoks, Marxis, Neo-Ortodoks, Revisionis dan Pasca Revisionis.

Tafsiran Ortodoks muncul dalam pensejarahan Darurat sejak awal tahun 1950-an. Tafsiran ini dibawa khususnya oleh para pentadbir kolonial, anggota perisikan British dan kepimpinan politik tempatan, dan disambung kemudiannya oleh ahli sejarah. Pandangan mereka menjelaskan Darurat diisytiharkan oleh British akibat ancaman 'Perang Dingin' dan rancangan pemberontakan bersenjata PKM, yang mendapat arahan langsung daripada Soviet Union (Miller, 1954: 15, 76; Purcell, 1955: 60; O'Ballance, 1966: 76). PKM digambarkan sebagai organisasi politik yang amat berpengaruh dan mewujudkan ancaman utama kepada British selepas Perang Dunia Kedua. Organisasi itu didakwa berjaya menyusup masuk dan menguasai gerakan politik tempatan sama ada dalam kalangan orang Melayu dan bukan Melayu dan juga kesatuan sekerja melalui dasar Barisan Bersatu (United Front) yang diperkenalkannya sejak pertengahan 1940-an. Namun kegagalannya melemahkan British melalui tindakan politik dan aktiviti kesatuan sekerja menyebabkan PKM merancang mengangkat senjata bagi menubuhkan sebuah republik komunis melalui arahan Moscow (O'Ballance, 1966: 14-15, 19, 76). Arahan tersebut dikatakan disalurkan kepada anggota PKM melalui Persidangan Pemuda Asia di Calcutta dan Persidangan Parti Komunis India pada penghujung bulan Februari hingga Mac 1948 (Pye, 1956: 83-84).<sup>3</sup>

Pandangan tentang wujudnya rancangan pemberontakan PKM atas arahan Soviet di atas dikemukakan berasaskan dakwaan pihak kerajaan dan perisikan British, khususnya dimuatkan dalam laporan perisikan yang komprehensif tentang aktiviti politik Tanah Melayu berjudul 'Malayan Security Service Political Intelligence Journal, 1946-1948' (MSS).<sup>4</sup> Umumnya pandangan tersebut diterima sebagai sejarah rasmi yang dipegang oleh pihak pemerintah dari zaman kolonial hingga ke hari ini. Namun pandangan tersebut mulai dikritik sejak 1970-an. Kritikan awal dikemukakan antaranya oleh Mohamad Amin dan Malcolm Caldwell yang mempelopori pandangan aliran Marxis. Buku susunan mereka bertajuk *Malaya: The Making of a Neo-Colony* (1977) memberikan hujahan yang agak menarik

<sup>3</sup>Persidangan tersebut dianjurkan oleh World Federation of Democratic Youth dan International Union of Student pada 19-25 Februari 1948 manakala persidangan kedua juga diadakan di tempat yang sama dianjurkan oleh Kongres Parti Komunis India pada 28 Februari hingga 6 Mac 1948.

<sup>4</sup>MSS, Ind. Ocn. S251, Political Intelligence Journal, 1946-48. Untuk maklumat lebih lanjut tentang rekod MSS, lihat Leon Comber, *Malaya's Secret Police: The role of the Special Branch in the Malayan Emergency*, Singapore: ISEAS, 2008.

tentang tujuan dan langkah-langkah sebenar pihak British semasa Darurat. Pandangan mereka menjadi pencetus kepada lahirnya tafsiran-tafsiran baharu yang dapat memecahkan tembok pandangan Ortodoks. Namun kritikan terhadap pendekatan Ortodoks hanya menjadi lebih ketara sejak tahun 1990-an. Hal ini berpunca daripada penemuan bukti-bukti terbaharu yang dikeluarkan oleh pihak Arkib Kebangsaan Britain di Kew, London (dahulunya dikenali sebagai Public Record Office). Kemunculan bukti-bukti baharu menggalakkan kelahiran aliran 'penyemak semula' Revisionis yang memberi tafsiran berbeza terhadap persoalan kenapa Darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada 1948.

Tafsiran baharu ini dipelopori oleh beberapa pengkaji Barat antaranya Furedi (1989, 1990, 1994a, 1994b), Stockwell (1993), Harper (1999), Deery (2007) dan Stahl (2009). Furedi menghasilkan beberapa tulisan menarik sejak 1980-an yang menjelaskan Darurat di Tanah Melayu, seperti juga diisytiharkan di tempat lain, merupakan satu 'konspirasi' dan 'perang kolonial'<sup>5</sup> yang sengaja dicituskan oleh British atas nama 'Darurat' bagi menghapuskan gerakan antikelonial. Perang tersebut, bagi Furedi, disasarkan terhadap gerakan nasionalis yang diterajui PKM yang menuntut kemerdekaan. Pandangan Furedi kemudiannya diperkukuhkan lagi oleh Stockwell. Stockwell menghasilkan beberapa tulisan menarik terutamanya pada 1993 yang membincangkan tentang sebab-sebab mengapa Darurat diisytiharkan. Beliau juga menyusun tiga buah buku penting memuatkan dokumen-dokumen rasmi British yang baharu dikeluarkan oleh pihak Arkib Kebangsaan, khususnya yang berkaitan dengan dasar-dasar British selepas Perang Dunia Kedua.<sup>6</sup>

Dokumen-dokumen susunan Stockwell bertajuk *Malaya, Part 2: The Communist Insurrection 1948-1953* (1995) memaparkan banyak maklumat tentang ancaman PKM, reaksi pihak British dan langkah-langkah yang diambil ke arah perisytiharan Darurat. Stockwell dalam tafsirannya menjelaskan Darurat bukan diisytiharkan semata-mata bagi menghadapi ancaman pemberontakan PKM, tetapi lebih berpunca daripada usaha British menangani kekacauan yang menimbulkan ketidakpuasan hati golongan majikan Eropah dan kepimpinan elit Melayu sejak pertengahan 1940-an. Menurut Stockwell, meskipun British tidak mempunyai bukti kukuh tentang keganasan PKM atau wujudnya arahan pihak Moscow agar PKM mengangkat senjata, namun keganasan yang berlaku telah dipergunakan sebagai satu alasan bagi mengisytiharkan Darurat di Tanah Melayu dan mengharamkan sebarang kegiatan 'subversif' yang mampu menggugat ketenteraman awam (Stockwell, 1993: 74-80).

Pandangan ahli sejarah Revisionis tersebut, meskipun mempunyai asas yang kuat, namun tidak diterima begitu sahaja. Pada penghujung 2000, pandangan tersebut mula dikritik oleh beberapa pengkaji yang mewakili aliran Neo-Ortodoks dalam pensejarahan Darurat, antaranya Hack (2009) dan Chin (2009).<sup>7</sup> Kedua-dua penulis cuba mengukuhkan semula pandangan Ortodoks menggunakan bukti-bukti yang diperolehi bukan sahaja daripada sumber-sumber rasmi British, malah daripada PKM sendiri. Berdasarkan sumber-sumber tersebut, mereka menjelaskan sememangnya terdapat bukti kukuh yang menunjukkan PKM yang

<sup>5</sup>Furedi (1994). Menurut Deery (2003: 29), 'Although the conflict in Malaya bore many of the characteristics of a colonial war, the misnomer 'emergency' was used throughout the twelve years. Similarly MCP guerrillas were labelled 'bandits' and later communist terrorist, and the British counterinsurgency was termed the 'Anti-Bandit Campaign.' Lihat Phillip Deery, 'The terminology of Terrorism: Malaya 1948-52', *Journal of Southeast Asian Studies*, 34 (2), 2003, hlm. 231-247.

<sup>6</sup>A. J. Stockwell (ed.), *Malaya, Part 1: The Malayan Union Experiment, 1942-48; Malaya, Part 2: The Communist Insurrection 1948-53; dan Malaya, Part 3: The Alliance Route to Independence, 1953-57*, London: His Majesty's Stationary Office (HSMO), 1995.

<sup>7</sup>Karl Hack menjelaskan bahawa beliau berpegang kepada pendekatan aliran Neo-Ortodoks atau Neo-Revisionis dalam membincangkan tentang Darurat 1948.

dipengaruhi anasir luar mempunyai rancangan tersusun untuk memberontak. Perbezaan tafsiran Neo-Ortodoks dengan Ortodoks ialah kesediaan ahli sejarahnya melihat faktor Darurat dari pelbagai sebab dan dimensi, melibatkan asakan dari dalam dan luar. Namun akhirnya pandangan mereka tetap menjurus kepada satu rumusan yang sama, iaitu Darurat diisytiharkan oleh British kerana wujud rancangan pemberontakan bersenjata PKM melalui arahan pihak komunis antarabangsa.

Pandangan yang mewakili aliran Ortodoks, Marxis, Neo-Ortodoks dan Revisionis di atas telah menguasai pentafsiran sejarah bukan sahaja yang menyentuh tentang gerakan komunis dan Darurat, tetapi juga gerakan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu secara keseluruhannya, khususnya pada 1940-an dan 1950-an. Pandangan Ortodoks dan Revisionis itu, walaupun berasaskan dokumen-dokumen rasmi yang boleh dianggap kukuh, sama ada daripada pihak British mahupun PKM sendiri, tetap mempunyai kelemahannya. Hal ini kerana mereka hanya mengaitkan Darurat dengan ancaman PKM terhadap British semata-mata, dan cuba menggambarkan PKM sebagai satu-satunya gerakan yang mempelopori perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu pada ketika itu.

Tulisan ini menganalisis kekuatan dan kelemahan yang terdapat dalam setiap tafsiran yang dikemukakan tentang faktor-faktor yang menggalakkan British mengisytiharkan Darurat di Tanah Melayu pada 1948. Tulisan ini pada akhirnya menjelaskan bagaimana tumpuan yang keterlaluan diberikan terhadap pengaruh komunis dan keganasan PKM telah menghindari ahli sejarah daripada melihat kepada pengaruh-pengaruh lain yang turut mengancam pentadbiran British dan menjadi sasaran Darurat 1948. Terdapat pandangan alternatif yang dikemukakan pada akhir-akhir ini yang menjelaskan bahawa PKM bukanlah sasaran utama perisytiharan Darurat 1948. Sebaliknya British didakwa telah menggunakan PKM tidak lebih sebagai 'kambing hitam' bagi membolehkannya mengambil tindakan kekerasan terhadap semua gerakan antikolonialis, khususnya nasionalis kiri-agama Melayu, yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan dianggap oleh British lebih berbahaya berbanding ancaman komunis.

### **Darurat dan Perang Dingin di Tanah Melayu: Versi Sejarah Ortodok**

Penjelasan utama kebanyakan ahli sejarah tentang sebab-sebab Darurat di Tanah Melayu ialah wujudnya ancaman pemberontakan bersenjata PKM terhadap British. PKM dikatakan sudah merancang sejak dari awal lagi untuk menggunakan kekerasan dan bangkit secara bersenjata menentang pihak British yang didakwa akan dilakukan pada September 1948 (Chin, 2009: 17). Sebelum itu, PKM hanya menggunakan kaedah sederhana, daripada menaja penubuhan parti politik dan menyusup masuk ke dalam gerakan kiri dan kesatuan sekerja hingga kepada aktiviti-aktiviti mensabotaj, menganjurkan mogok umum dan mewujudkan kekacauan ekonomi bagi melemahkan pentadbiran British. Namun usaha tersebut dikatakan tidak berjaya (O'Ballance, 1966: 14-15, 19, 76). Akibatnya PKM merancang bertindak secara lebih militan, iaitu melakukan keganasan dan pembunuhan dan kemuncaknya ialah mengangkat senjata menentang British dengan meniru pendekatan yang diambil dan berjaya dicapai oleh Parti Komunis China (CCP) (Pye, 1956: 86-87).

Organisasi PKM yang tersusun dan berpengaruh dikatakan membolehkannya meresap masuk dan menguasai seluruh gerakan nasionalis termasuklah gerakan kiri-agama Melayu serta kesatuan-kesatuan sekerja yang ditubuhkan secara meluas sekitar tahun 1940-an bagi

'...menimbulkan ancaman terhadap pihak British dan merampas kuasa.'<sup>8</sup> PKM telah menggunakan pengaruhnya terhadap kesatuan sekerja, misalnya dengan menaja penubuhan kesatuan sekerja umum seperti Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU) untuk memberi galakan dan mengorganisasi aktiviti-aktiviti mogok bagi mensabotaj ekonomi British di Tanah Melayu.<sup>9</sup> Pada tahun 1947 lebih daripada 300 mogok dan kekacauan industri telah dilancarkan di seluruh Tanah Melayu, kebanyakannya di estet-estet getah. Menurut Miller (1954: 74), '*While the Communist admittedly did not play a part in many of the troubles, they were behind most of the serious ones, which invariably were accompanied by violent demonstrations.*' Kemuncak keganasan tercetus pada 16 Jun 1948 apabila tiga majikan Eropah di beberapa estet di Sungai Siput, Perak dibunuh oleh beberapa individu yang dipercayai sebagai 'anasir' PKM (Miller, 1954: 82; Pye, 1956: 89; O'Ballance, 1966: 82).<sup>10</sup>

Pembunuhan tiga orang majikan Eropah dikatakan menjadi faktor serta merta mendorong tindakbalas British. Pihak British mengambil keputusan mengisytiharkan Darurat pada 17 dan 18 Jun 1948 dan mengharamkan PKM serta semua organisasi politik dan kesatuan sekerja di bawah pengaruhnya serta menangkap secara beramai-ramai para aktivis antikolonial.<sup>11</sup> Sebagaimana dakwaan Malcom MacDonald, Komisioner Jeneral British di Asia Tenggara, Darurat diisytiharkan oleh pihak British bagi menghadapi ancaman PKM yang bertindak secara kekerasan dan bahawa komunis '*...were making a desperate effort to impose the rule of the knife and the gun in plantations, mines and factories...*'<sup>12</sup>

Ahli sejarah aliran Ortodoks mendakwa keganasan yang berleluasa berlaku di Tanah Melayu antara 1947-48 merupakan langkah-langkah awal PKM dalam usahanya melancarkan pemberontakan. Rancangan pemberontakan PKM dikatakan didorong oleh penyebaran gejala Perang Dingin ke Tanah Melayu. PKM dikatakan bersedia mengangkat senjata dan mencapai matlamat mendirikan sebuah negara komunis secara kekerasan setelah mendapat arahan langsung daripada Soviet Union yang sedang menghadapi Perang Dingin dengan blok kuasa Barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat. Arahan pemberontakan daripada Moscow dikatakan diterima secara langsung oleh anggota PKM melalui dua persidangan yang diadakan di India, iaitu Persidangan Pemuda Asia di Calcutta dan Persidangan Parti Komunis India pada Februari-Mac 1948 (Miller, 1954: 15, 76; Purcell, 1955: 60; O'Ballance, 1966: 76; McLane, 1966: 357, 385-86; Hyde, 1968: 23-24; Short, 1975: 44). Dari sudut ini Clutterbuck (1973: 56) menjelaskan; '*...Calcutta conference no doubt played some part in prompting the MCP to remobilize the guerrilla army and to go over to the phase of the "armed struggle" in Malaya.*'

<sup>8</sup>Department of Information, *Communist Banditry in Malaya: The Emergency with a Chronology of Important Events June 1948-June 1951*, Kuala Lumpur: The Standard Engraves & Art Printers, 1951, hlm. 1. Lihat juga MSS, Ind. Ocn. S251, Political Intelligence Journal, 1948.

<sup>9</sup>MSS PIJ 1948.

<sup>10</sup>Mereka ialah Arthur Walker, pengurus Estet Elphil, Sungai Siput; John Allison, Pengurus Estet Phin Soon, Sungai Siput dan pembantunya, Ian D. Christian. Lihat Miller (1954: 82)

<sup>11</sup>*Communist Banditry in Malaya*, hlm. 2. Dalam hal ini Furedi (1994: 160) menjelaskan; '*In the case of Malaya, the shooting of three European planters at Sungei Siput on 16 June 1948 is often seen as the incident which forced the hand of the imperial power... it was 'this event which led the colonial government to declare Emergency...*'. Antara organisasi di bawah pengaruh PKM yang diharamkan semasa Darurat ialah New Democratic Youth League, Indian New Democratoc Youth League dan Malayan People's Anti-Japanese Army Servicemen's Association.

<sup>12</sup>*Ibid.*, hlm. 29.

Pengaruh Moscow terhadap gerakan anti-British di Asia Tenggara amat dibimbangi oleh pentadbiran British di London. Wujud suatu kebimbangan yang amat jelas dalam kalangan pegawai kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri C. J. Attlee misalnya yang melihat kemaraan pengaruh Soviet sebagai ancaman utama terhadap keselamatan di Asia Tenggara ketika pengaruhnya cuba dibendung di Eropah (Deery, 2003: 31). Menurut Attlee;

There is a distinct danger that, as measures are developed for the security of Europe and the Middle East, pressure [from the Soviet Union] upon South East Asia will increase. Conditions there are generally speaking favourable for the spread of Communism, and if the general impression prevails in South East Asia that the Western Powers are both unwilling and unable to assist in resisting Russian pressure...eventually the whole of South East Asia will fall a victim to the Communist advance and thus come under Russian domination.

Pejabat Kolonial pada bulan Oktober dan Jawatankuasa Kabinet mengenai Malaya pada November 1948 juga telah mengesahkan ancaman tersebut dengan mendakwa wujudnya '*...the substantial grounds for regarding the Malayan outbreak as stimulated by Moscow...*' dan '*...the existence of "Communist plot" to overthrow the Malayan government by armed force.*' Ancaman Moscow turut ditekankan oleh Ketua Perisikan Keselamatan Timur Jauh British yang telah memberi amaran bahawa '*...the Soviet Union in all likelihood controlled the growing local Communist parties in Southeast Asia...*' (Deery, 2003: 34). Begitu juga wujud dakwaan terdapat individu tertentu telah dihantar oleh pihak Communist Information Bureau (Cominform) sebagai agen bagi menyebarkan dakwah dan menggalakkan pihak komunis di seluruh Asia Tenggara bangkit memberontak terhadap pemerintahan kolonial. Individu yang dimaksudkan itu ialah Lawrence Sharkey, Setiausaha Agung Parti Komunis Australia (CPA) yang dikatakan bergerak aktif selepas menghadiri persidangan komunis di Calcutta. Beliau didakwa telah singgah di Singapura selama dua minggu selepas persidangan itu dan memberi ucapan dalam Sidang Pleno Keempat Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) PKM lalu menggunakan kesempatan tersebut untuk '*...played a considerable part in persuading the Malayan Communists to adopt a policy of violence.*' (Pye, 1956: 84).<sup>13</sup>

Pendapat para pentadbir dan pihak perisikan British tentang wujudnya kesan Perang Dingin dan rancangan pemberontakan PKM yang membawa kepada perisytiharan Darurat 1948 begitu mempengaruhi tafsiran ahli sejarah.<sup>14</sup> Berdasarkan tulisan yang diterbitkan sejak awal malah hingga kini boleh dikatakan ramai pengkaji percaya Darurat merupakan tindakbalas British dalam menghadapi 'konspirasi komunis' dan ancaman Perang Dingin yang cuba diterjemahkan melalui rancangan pemberontakan PKM yang mendapat arahan Moscow.<sup>15</sup> Miller (1954: 15) misalnya menjelaskan aktiviti keganasan PKM adalah;

<sup>13</sup>Dakwaan tersebut telah disokong sendiri oleh Setiausaha Agung PKM, Chin Peng, (Deery, 2003: 35) yang menyatakan; '*Sharkey's words [that in Australia, strike-breakers were murdered] had inspired us to the point that, as the meeting progressed to its final stages, there emerged total commitment among those present for a toughening of our policy towards strikebreakers.*'

<sup>14</sup>Beberapa sarjana telah membincangkan tentang pengaruh dan kesan Perang Dingin dalam menggerakkan Darurat di Tanah Melayu mahupun di seluruh Asia Tenggara. Antaranya ialah Richie Owendale, 'Britain, the United States and the Cold War in South-East Asia, 1949-50', *International Affairs*, 58, 3, 1982, hlm. 447-464.; Sean Greenwood, *Britain and the Cold War, 1945-1991*, London: Macmillan, 2000; dan Richard Mason (Guest Editor), '1948 Insurgencies and the Cold War in Southeast Asia Revisited: Special Issue,' *Kajian Malaysia*, 27, 1& 2, 2009.

<sup>15</sup>Crozier (1965: 64) menjelaskan kebangkitan komunis di seluruh Asia Tenggara pada 1948 adalah '*...part of a pre-determined plan worked out in Moscow and Calcutta.*' Begitu juga Jackson (1991: 12-13) turut

...a part of a preconceived world-wide Russian plans to establish Soviet republics in the Far East. In Malaya, they were trying for the first time to conquer British territory, although until now Russia and Communist China have given only lip support to the 'struggle' by the Malayan Communists.

Seorang sarjana tempatan Yeo Kim Wah berpendapat pandangan umum tentang wujudnya rancangan pemberontakan PKM yang mendapat arahan Soviet melalui persidangan di Calcutta pada Februari 1948 merupakan '*...the orthodox view and by far the most widely accepted version of the communist uprising in Malaya*' (Yeo dlm Deery, 2003: 38). Pandangan Yeo dari beberapa segi memang benar kerana tafsiran itu telah dipegang ramai pengkaji, sama ada daripada kalangan penulis Barat awal seperti Morrison (1948), Mosley (1951), Purcell (1955), Miller (1955), Brimmell (1956), Pye (1956), Crozier (1965), Clutterbuck (1966, 1973), Thompson (1966) dan Komer (1972) hinggalah kepada penulis Barat mutakhir seperti Sanders (1990), Jackson (1991), Mackay (1997) dan beberapa orang pengkaji tempatan seperti Mahmud Embong, Khoo Kay Kim, Abdullah Zakaria Ghazali, Aloysius Chin, Ramlah Adam dan Ho Hui Ling.

### **Lahirnya Pandangan Baharu: Tafsiran Revisionis**

Pandangan Ortodoks mula dicabar sejak tahun 1970-an. Sebahagian ahli sejarah telah menolak dakwaan wujudnya gejala Perang Dingin di Tanah Melayu. Mereka juga menolak penjelasan bahawa perisytiharan Darurat adalah berpunca daripada 'komplot komunis antarabangsa' yang memberi arahan kepada PKM melalui persidangan di Calcutta untuk bangkit memberontak terhadap kerajaan British. Bagi sesetengah pengkaji, pandangan tersebut tidak berasas dan tidak dapat dibuktikan.<sup>16</sup> Mereka sebaliknya menghujahkan bahawa faktor-faktor tempatan memainkan peranan jauh lebih besar dalam menggalakkan gejala keganasan. Walaupun wujud keganasan di Tanah Melayu sejak Mac 1948 yang dipercayai dilakukan oleh 'anasir-anasir' komunis, namun mereka menolaknya sebagai sebahagian daripada rancangan pemberontakan PKM. Malah PKM sendiri dikatakan tidak bersedia menghadapi British apabila Darurat diisytiharkan.

McVey merupakan antara sarjana terawal yang meneliti tentang isu 'konspirasi komunis' itu melalui bukunya *The Calcutta Conference and the South East Asian Uprising* (1958). Dalam tulisannya itu, beliau telah menolak tanggapan bahawa wujud arahan pihak Soviet kepada PKM supaya bangkit memberontak melalui persidangan di Calcutta pada Februari 1948. Menurut McVey, persidangan tersebut bukan merupakan tempat dan masa yang sesuai untuk membawa mesej revolusioner komunis. Hal ini kerana ia diadakan secara terbuka di India yang merupakan sebuah negara di bawah kawalan British. Wakil-wakil yang terlibat dalam persidangan itu pula, kata McVey, meskipun umumnya terdiri daripada golongan nasionalis antikolonial, namun bukan semuanya pendokong komunis. Begitu juga tidak kesemua yang hadir dalam persidangan itu telah menyokong dasar-dasar Soviet Union. Sebaliknya mereka

---

mendakwa bahawa pihak Moscow telah memberi 'fresh instructions' kepada PKM pada Februari 1948 untuk mewujudkan '*...unrest in the far Eastern colonies...*' dan disebabkan oleh faktor inilah yang memaksa Darurat diisytiharkan. Sanders (1990: 83) pula menyalahkan pihak Beijing dengan mengatakan '*...the covert material support which the Beijing regime provided to the Malayan revolutionaries...*' adalah punca yang menggalakkan pemberontakan PKM meskipun dakwaan tersebut dinafikan oleh pihak kerajaan Britain sendiri.

<sup>16</sup>Menurut Deery (2003: 40), '*As with many allegations of Communist plots, tangible evidence for this view is extremely thin.*' Lihat juga pandangan yang dikemukakan oleh Caldwell (1977: 220) dan Keang (1984: 31).

datang daripada latar belakang, tempat dan ideologi perjuangan yang berbeza hingga wujud percanggahan pendapat yang ketara antara mereka.

Pandangan McVey diperkukuhkan lagi dengan hakikat bahawa hanya seorang wakil PKM dihantar ke persidangan di Calcutta iaitu Li Siong. Walaupun beliau memimpin sebuah organisasi pro-komunis iaitu New Democratic Youth League, namun Li tidak memegang sebarang jawatan penting dalam PKM. Li terpilih sebagai wakil PKM hanya kerana kebolehannya fasih berbahasa Inggeris dan beliau hanya hadir dalam persidangan pertama sahaja (Keang, 1984: 32-33; Deery, 2003: 47). Li juga tidak terus pulang ke Singapura sehingga 22 Mac 1948. Hal ini bermakna beliau tidak menghadiri Sidang Pleno Keempat Jawatankuasa Pusat (CEC) PKM yang diadakan pada 17-22 Mac 1948, yang dikatakan mula membahaskan soal persediaan untuk memberontak. Fakta-fakta di atas menimbulkan keraguan munasabah dalam kalangan pengkaji terhadap persoalan sejauh mana beliau telah memainkan peranan sebagai orang tengah yang menyalurkan arahan Soviet agar PKM bangkit mengangkat senjata.

Satu lagi bukti yang digunakan oleh pengkaji aliran Ortodoks ialah resolusi-resolusi penting yang diputuskan dalam Sidang Pleno Keempat CEC PKM yang diadakan pada 17-21 Mac 1948, yang didakwa turut dihadiri Sharkey. Resolusi-resolusi tersebut dikatakan memutuskan PKM perlu bertindak secara militan bagi menangani tindakbalas British, termasuk bersedia mengangkat senjata jika terpaksa. Namun bukti itu juga dipertikaikan oleh pengkaji aliran Revisionis. Menurut beberapa pengkaji (McLane, 1966: 386; Deery, 2007: 50-51), dalam Sidang Pleno itu CEC PKM telah meluluskan tiga resolusi penting yang dikaitkan dengan rancangan PKM untuk memberontak secara bersenjata. Resolusi pertama menekankan keperluan PKM untuk mengembalikan semula disiplin dalam parti setelah berlalunya era kepimpinan Lai Teck yang didakwa mengkhianati parti. Dua lagi resolusi adalah lebih radikal. Ia menyarankan bahawa perjuangan untuk kemerdekaan di Tanah Melayu hanya boleh dicapai melalui 'people's revolutionary war' dan PKM mestilah bersedia memimpin perjuangan itu. Resolusi ketiga pula menjelaskan keperluan PKM mengubah strategi perjuangannya daripada 'surrenderisme' kepada cara yang lebih militan. Apa yang ditekankan dalam resolusi terakhir itu ialah persediaan yang perlu dibuat PKM untuk menghadapi apa yang disebut sebagai '*...an uncompromising struggle for independence without regard to considerations of legality.*' Walaupun resolusi-resolusi itu menjelaskan tentang perubahan radikal yang perlu dilakukan PKM bagi menjadikan perjuangannya lebih relevan, namun menurut McLane (1966: 386);

The resolutions did not, then, *specifically* called for an uprising, although as internal party documents they might well have done so had it been the intention of the leadership to proceed immediately to armed insurrection. They stressed the urgency of *preparing* for rebellion, not yet of precipitating one.<sup>17</sup>

Furedi merupakan antara sarjana yang paling lantang mengkritik pendekatan ahli sejarah Ortodok yang dianggapnya dibelenggu oleh tafsiran 'rasmi' bersifat propaganda daripada pihak British. Bagi Furedi, tanggapan bahawa tindakan British mengisytiharkan Darurat

---

<sup>17</sup>Pandangan sama oleh Deery (2007: 50) yang menjelaskan; '*The resolutions were about intentions. They emphasized the need to prepare for a rebellion. The militancy of the 4th Plenum was less a turning point than a benchmark along a path on which the MCP had been moving since 1947. Clarity, discipline, and coordination as well as an explicit revolutionary program – normally the sine qua non of successful insurrection – were absent.*'

adalah sebagai langkah menghadapi 'komplot komunis antarabangsa' yang mengarahkan PKM melakukan pemberontakan adalah lemah dan sukar dipertahankan. Sebaliknya isu Perang Dingin hanya digunakan sebagai '*....a weapon that sought to discredit any legitimate nationalist impulse by reinterpreting it as a communist conspiracy...Its aim was to make anti-colonial nationalism invisible*' (Furedi, 1994a: 103). Ancaman sebenar terhadap British, jelas Furedi (1994a: 3), adalah daripada gerakan nasionalis antikelonial yang diterajui oleh PKM dan objektif Darurat adalah untuk meneutralkan ancaman tersebut.

Pandangan Furedi adalah berasaskan beberapa hujah. Pertama, dakwaan wujudnya rancangan penentangan bersenjata PKM melalui arahan Soviet tidak dapat dipertahankan dengan sebarang bukti kukuh. Kelemahan dakwaan tersebut diakui sendiri pihak British dan disahkan lagi pihak Amerika Syarikat melalui badan perisikannya, Central Investigation Agency (CIA). Dengan mengambil kira beberapa kes Darurat di tanah jajahan British, Furedi (1994: 149), menjelaskan;

In none of these cases did efforts to substantiate the arguments used to justify calling an emergency prove successful. In the case of Malaya, the colonial administration repeatedly conceded that it lacked evidence for the publicly alleged communist plot. The CIA was no more successful. A month before the declaration of the emergency in Malaya, the CIA reported that 'there is no evidence' that the MCP was 'financed by or has direct contact with Moscow'. The American Department of State wrote its consul in Singapore that it 'would appreciate copies of...documents' which the 'British believe prove that terrorist activities are part of Communist plan to overthrow the Government of Malaya.' This request, though repeated on many occasions, was not to be met.

Kedua, keganasan PKM menurut Furedi bukan berpunca daripada 'komplot komunis' atau Perang Dingin tetapi sebaliknya kesan 'konspirasi' pihak British sendiri. Pada pandangan Furedi, tindakbalas keras yang dilakukan oleh pihak British terhadap aktivis politik dan kesatuan sekerja merupakan sebahagian provokasi yang telah dirancang oleh pihak British bagi menggalakkan golongan tersebut bertindakbalas dengan cara yang ganas. Hal ini membolehkan British menyalahkan komunis dan anasir-anasirnya sebagai unsur yang memulakan keganasan. Provokasi British dilaksanakan melalui kekerasan yang diambil terhadap aktiviti kesatuan sekerja sejak tahun 1947 lagi.<sup>18</sup> Kemuncaknya adalah sekatan yang dikenakan terhadap PMFTU pada bulan April dan Mei 1948 yang menyebabkan golongan buruh kehilangan suara untuk menyatakan ketidakpuasan hati mengikut cara yang dibenarkan undang-undang. Sekatan itu memaksa mereka mengambil jalan kekerasan dengan melakukan kekacauan dan pembunuhan. Bagi Furedi (1994a: 151), tekanan terhadap aktiviti kesatuan sekerja adalah satu taktik licik pihak British bagi menggalakkan tindakbalas kekerasan oleh golongan buruh radikal yang tidak mampu dikawal oleh mana-mana pihak termasuklah PKM sendiri.

<sup>18</sup>Menurut Furedi (1994: 150-51); '*In Malaya, there was a noticeable increase in the repression of anti-colonial protest from December 1947 onwards. By this time a government-appointed special committee was charged with the task of considering whether the MCP was to be banned. A hard line was adopted against the MCP and trade-union activity. The army also initiated major engagements from April 1948 onwards. Military operations, such as that of Operation Haystack in the Perak jungle, were designed to demonstrate the government's determination to regain administrative control over all parts of the colony. But the thrust of the offensive was directed at the MCP's trade-union base.*'

Ketiga, konspirasi itu direalisasikan melalui tindakan British memanipulasi penggunaan istilah 'Darurat' bagi mengabui mata dunia terhadap kekerasannya. 'Darurat', menurut Furedi (1994a: 1), adalah satu bentuk 'perang kolonial' yang dilancarkan pihak British bagi menghapuskan ancaman penentangannya, iaitu pihak nasionalis, dengan menggunakan alasan menghapuskan anasir pengganas dan penjenayah.<sup>19</sup>

The term emergency itself confusing. These conflicts were either potentially or actually colonial wars. The term emergency was essentially a public-relations concept. It had the advantage of allowing Britain to adopt wide-ranging coercive powers while maintaining the pretence of normal civil rule. Above all, emergencies helped create the impression that the issue at stake was that of law and order rather than a political challenge to colonialism. An emergency was called to restore order – by definition it aimed to curb those who caused disorder. Emergency measures allowed colonial governors to label their opponents as law-breakers. At a stroke anti-colonial activists could be transformed into criminals or terrorists.

Pandangan Furedi disusuli oleh kajian Stockwell pada 1993. Dalam analisisnya tentang perkaitan sebenar antara komunisme, keganasan dan tindakbalas British, Stockwell telah menimbulkan persoalan sejauh mana benarnya pandangan yang mendakwa Darurat merupakan satu tindakan British bagi menangani apa yang disebut sebagai '*a widespread and long-concocted plot to overthrow government in Malaya*'.

Bagi Stockwell, pandangan tersebut sukar dipertahankan kerana tiada bukti jelas menunjukkan wujudnya 'komplot komunis' untuk menjatuhkan kerajaan British di Tanah Melayu. Hakikat pihak British tidak mempunyai sebarang bukti bagi mengaitkan keganasan di Tanah Melayu dengan 'komplot komunis' dan rancangan pemberontakan bersenjata oleh PKM, menurut Stockwell (1993: 74), telah diakui oleh pentadbir British sendiri. Stockwell memberikan beberapa contoh antaranya pengakuan Alexander Newbould, Ketua Setiausaha Kerajaan Persekutuan Malaya kepada pihak Konsul Amerika bahawa; '*...they [the British officials] had no conclusive proof that the violence and murder was due to Communist activities, but that they are convinced of it...*' dan bahawa '*...they did not know the aim of the present activities unless it was to ruin the economy of the country and create chaos so that many of the people might consider that the Government could not cope with the situation.*' Selain itu, Creech Jones, Setiausaha Tanah Jajahan Britain juga menyatakan; '*There is no concrete evidence that the Malayan Communist Party is directly responsible for the present lawlessness but extreme political factions and certain trade unions have been infiltrated by communism.*' Begitu juga penjelasan dari sumber CO sendiri yang menilai tentang kegiatan komunisme di Tanah Melayu juga menyebut hal yang serupa (Stockwell, 1993: 76).

<sup>19</sup>Deery (2003b: 237) menjelaskan bahawa; '*There was a further reason...for calling the British counterinsurgency an 'Anti-Bandit Campaign' and, indeed, for labelling what was in essence a colonial war an 'emergency'. It was not, as Frank Furedi alleges, merely for 'public-relations' purposes. The overriding reason was economic: the Malayan estates were dependent on London insurance companies for cover whose terms only covered losses of stocks and equipment through 'riot and civil commotion' in an emergency. If the conflict in Malaya were described in terms that implied a state of war, or actions committed by 'rebels', 'insurgents' or worse – an 'enemy', then the insurance companies could repudiate their policies. In this event, a cash-strapped Atlee administration that had barely survived the 'dollar gap crisis' of 1947 would be obliged to bear the burden.*'

No decisive evidence has yet been received here [in London] of the direct complicity of the Malayan Communist Party or the P.M.F.T.U. in any of the actual murderous attacks which have occurred but the High Commissioner has stated that he has sufficient evidence to show that much of the violence is due to organised incitement by extremist elements who challenge the authority of the Government.

Bagi Stockwell, hubungkait PKM dengan semua keganasan di Tanah Melayu dan 'komplot komunis' untuk menjatuhkan kerajaan dengan menggunakan kekerasan hanyalah diperbesar-besarkan oleh pegawai British, khususnya MacDonald. MacDonald yang berpengaruh dalam pentadbiran kerajaan di Whitehall dikatakan telah menggunakan pengaruhnya bagi mendorong kerajaan Britain membuat keputusan mengharamkan PKM pada Julai 1948, satu tindakan yang gagal dilaksanakan oleh Edward Gent sebelumnya walaupun Darurat itu sendiri telah diisytiharkan lebih awal atas alasan menentang PKM. Bagi menjustifikasi tindakan tersebut, pentadbir British sengaja mereka-reka bukti bagi mendakwa sememangnya terdapat rancangan PKM bangkit memberontak melalui arahan pihak Soviet bagi menjatuhkan kerajaan British di Tanah Melayu.<sup>20</sup>

Walaupun menegaskan tidak wujud sebarang bukti jelas tentang rancangan PKM untuk memberontak bagi menjatuhkan kerajaan kolonial di Tanah Melayu, namun Stockwell mempersoalkan pula pandangan Furedi bahawa Darurat adalah 'konspirasi' British bagi membendung gerakan antikelonial. Stockwell (1993: 80) menjelaskan reaksi British yang sering berubah terhadap ancaman PKM, dan ketidaksediaannya mengambil tindakan terburu-buru mengharamkan PKM tanpa terlebih dahulu memperoleh bukti kukuh menunjukkan tidak wujud konspirasi pihak British dalam usaha mengharamkan PKM. Stockwell turut menolak pandangan yang mengatakan usaha untuk memburuk-burukkan PKM dan mengisytiharkan Darurat atas nama Perang Dingin sengaja dibuat oleh pihak British bagi mengambil hati atau mengelakkan tekanan daripada kerajaan Amerika Syarikat. Menurut Stockwell (1993: 81), pada pertengahan tahun 1948 kerajaan Britain di bawah pimpinan Parti Buruh sebenarnya tidak berada di bawah tekanan Washington untuk mengambil sebarang tindakan terhadap aktiviti komunis. Malah langkah membendung ancaman perluasan kuasa Soviet dan Perang Dingin adalah dilakukan hasil inisiatif kerajaan Attlee sendiri tanpa terlebih dahulu mengharap langkah awal kerajaan Amerika Syarikat.

Jelasnya bagi Stockwell, kedua-dua pendapat bahawa Darurat diisytiharkan kerana wujudnya 'komplot komunis' dan rancangan penentangan bersenjata PKM, atau sebaliknya 'konspirasi British' untuk membanteras kegiatan komunis bagi memenuhi kehendak Amerika Syarikat dalam menghadapi Perang Dingin, adalah tidak tepat. Sebaliknya Stockwell menghujahkan bahawa tindakan Darurat telah diambil oleh pihak British bagi mengurangkan tekanan daripada golongan yang menjadi punca dan sumber pengekaluan kuasa ekonominya di Tanah Melayu, iaitu peniaga Eropah dan elit Melayu. Mereka sentiasa mendesak agar tindakan segera diambil bagi mencari pihak yang melakukan kekacauan dan seterusnya mewujudkan keamanan di Tanah Melayu. Oleh itu, Stockwell (1993: 85) menjelaskan; '*We are led to the*

<sup>20</sup>Menurut Stockwell (1993: 70); '*In Malaya the evidence of direct connection between the Cominform and the present outbreak of lawlessness as organized by the Malayan Communist Party is accepted by the local Government as proof of such connection. It is a connection which is only by chance susceptible of absolute proof but the presence in Bangkok of an unnecessarily large Russian Embassy, the contacts in Calcutta a few months ago of Communist representatives from Europe and Asia, the close similarity in expression between Cominform directive [sic] and Malayan Communist Party publications form together substantial grounds for regarding the Malayan outbreak as stimulated from Moscow.*'

*conclusion, therefore, that ministers decided to ban the MCP in July 1948, not because they had irrefutable proof of a communist plot nor because they had an interest in concocting one, but as an attempt to restore confidence in the colonial regime.'*

Phillip Deery dalam tulisannya 'Malaya 1948: Britain's Asian Cold War?' (2007) turut mempertikaikan pandangan yang mendakwa bahawa perisytiharan Darurat telah didorong oleh tekanan Perang Dingin. Walaupun tidak menafikan kaitan PKM dengan pihak komunis antarabangsa, namun Deery (2007: 40-45) menegaskan faktor-faktor yang mendorong PKM menjadi lebih militan dan memikirkan persiapan untuk bertindak secara kekerasan bukan disebabkan oleh arahan luar, tetapi tekanan dalaman, iaitu masalah kepimpinan, desakan golongan muda dan radikal dalam PKM dan tindakan provokasi British sendiri terhadap aktiviti-aktiviti komunis khususnya dalam kesatuan sekerja. Deery juga mempertikaikan pandangan yang mendakwa PKM mempunyai rancangan tersusun untuk melakukan pemberontakan bersenjata terhadap British. Menurut Deery (2007: 33), rancangan pemberontakan bersenjata oleh PKM '*...far from being meticulously prepared and carefully coordinated as is often alleged, was inadequately planned and poorly executed.*' Walaupun prinsip perjuangannya mula berubah kepada bercorak militan selepas era Lai Teck, namun menurut Deery (2007: 45) PKM pada hakikatnya masih belum bersedia menentang British dan tidak langsung menjangkakan pihak British akan bertindak secara drastik mengisytiharkan Darurat hingga menyebabkannya terpaksa menghadapi tindakbalas British itu dalam keadaan panik dan kelam kabut.

The timing of the State of Emergency clearly took the MCP by surprise. Consequently, the party's decision to go underground was ad hoc; its retreat to the jungle was made in panic; and its switch from urban to rural revolt was confused. These moves left the MCP's "front" organizations off balance, leaderless, and isolated. In this sense, the decision to mobilize for guerrilla warfare was accelerated by, and partly in response to, the severity of government action in May-June 1948. The notion that the MCP was following a carefully planned strategy – a strategy coordinated by a highly centralized party structure – is fallacious.

Hujah ahli sejarah Revisionis itu telah diperkuatkan lagi dengan pengakuan yang dibuat sendiri oleh Chin Peng, Setiausaha Agung PKM. Dalam dua buku yang mencatatkan tentang pengalamannya, iaitu *Alias Chin Peng: My Side of History* (2003) dan *Dialogues with Chin Peng* (2004), Chin Peng menekankan keganasan yang berlaku di Tanah Melayu pada 1940-an bukanlah tindakan yang didorong oleh rancangan pemberontakan PKM melalui arahan luar, sebaliknya adalah reaksi dan tindakbalas terhadap provokasi pihak British. Menurut Chin Peng (2004: 117); '*The prominent factor that influenced us, when we decided to take up arms, was the British policy at the time. We felt we were being cornered, gradually backed into the corner. We had nowhere to move...Of course, the international factor played some role, but not as decisive as that.*' Chin Peng (2003: 218, 222) juga mengakui peristiwa pembunuhan tiga majikan Eropah di Sungai Siput adalah satu tindakan yang dilakukan oleh penyokong PKM, namun ia bukan atas arahan rasmi beliau sebagai pemimpin tertinggi PKM mahupun CEC PKM sebagai perisytiharan perang terhadap British. Bahkan Chin Peng menjelaskan pembunuhan itu merupakan satu 'kesilapan'.

...neither I, nor the Central Committee, had ordered the killing of European planters. Despite speculation at the time and since, the CPM

at no point in the Emergency ever drew up a planters' hit list. Indeed, if I had had my way, the killings at Sungei Siput would never have taken place. They resulted from over-enthusiasm for revenge at the local level coupled with a serious lack of command control at the state level.

### **Reaksi dan Kritikan Ahli Sejarah Neo-Ortodoks-Pasca Revisionis**

Pendekatan ahli sejarah Revisionis yang menolak sama sekali usaha mengaitkan Darurat dengan 'konspirasi' komunis antarabangsa dan Perang Dingin mutakhir ini menerima kritikan hebat beberapa pengkaji sejarah. Antaranya ialah Karl Hack dan C. C. Chin yang mempelopori pandangan aliran Neo-Ortodoks (atau sesetengah sarjana, misalnya Deery, menganggapnya sebagai pandangan Pasca Revisionis) dalam pensejaraan Darurat.

Hack menjelaskan perubahan taktik PKM sejak penghujung Mac 1948 daripada 'United Front' kepada strategi yang lebih militan mempengaruhi keputusan PKM untuk memberontak walaupun tindakan tersebut pada masa itu dianggap 'over-determined'. Perubahan ini, menurut Hack (2009: 471-72), ditandai dengan peningkatan kempen keganasan oleh PKM bermula dari Februari hingga Jun 1948, yang menyaksikan aktiviti mogok, kekacauan dan pembunuhan di Tanah Melayu meningkat secara mendadak. Perubahan taktik PKM itu, jelas Hack, harus dilihat sebagai reaksi PKM dalam memenuhi tuntutan komunis antarabangsa yang menekankan perubahan strategi gerakan komunis di seluruh Asia Tenggara ke arah perjuangan militan. Sejak 1948, gerakan komunis di Asia Tenggara telah pun bangkit seiring dengan tuntutan komunis antarabangsa yang menyaksikan bukan sahaja gerakan komunis di Tanah Melayu, malah di Burma, Filipina, Indonesia dan Vietnam juga telah meminggirkan dasar 'Barisan Bersatu' dan melancarkan kempen keganasan. Perubahan taktik perjuangan PKM kepada yang lebih ganas, menurut Hack, telah memaksa British mengisytiharkan Darurat di Tanah Melayu.

Hack bagaimanapun mengakui sebab sebenar Darurat diisytiharkan sukar ditentukan. Malah beliau bersetuju dengan pendekatan yang diambil oleh beberapa pengkaji seperti Short dan Stubbs yang memperlihatkan Darurat bukan didorong satu faktor sahaja tetapi pelbagai sebab dalaman dan luaran. Namun Hack tetap menegaskan faktor luaran iaitu dorongan komunis antarabangsa dan kesan Perang Dingin mempunyai pengaruh besar terhadap keputusan PKM untuk memberontak. Keadaan ini ditambah lagi dengan wujudnya provokasi pihak British yang menggalakkan tindakbalas kekerasan PKM. Walaupun PKM diakui belum bersedia menghadapi British melalui peperangan terbuka, namun provokasi British, jelas Hack, telah memaksa PKM mengambil keputusan segera selaras dengan tuntutan komunis antarabangsa iaitu perjuangan secara militan dan bersenjata.

Pandangan serupa dengan Hack turut dipegang oleh C. C. Chin. Chin mendakwa PKM sememangnya mempunyai rancangan yang tersusun untuk mengangkat senjata menentang British, yang didakwa dirancang pada September 1948. Dakwaan ini adalah berdasarkan penelitiannya terhadap beberapa dokumen PKM dan rekod sejarah lisan beberapa pemimpin PKM, khususnya keputusan yang dicapai dalam mesyuarat CEC PKM sejak Mac 1948 (Chin 2009: 16-27). Chin menghujahkan sungguh pun doktrin 'dua kem' yang dikemukakan oleh pemimpin komunis Rusia iaitu Andrei Zhdanov dalam ucapannya di Cominform pada September 1947 turut mempengaruhi keputusan PKM (Chin, 2009: 14), namun PKM bertindak mengangkat senjata bukan kerana menuruti doktrin tersebut atau atas arahan

Soviet. Chin sebaliknya lebih cenderung mengaitkan keputusan PKM itu dengan Parti Komunis China (CCP). Menurut Chin (2009: 14-15);

The characteristics of the MCP were determined by the fact that it evolved from the CCP's Nanyang Branch. Thus, the MCP was greatly under the influence of the CCP and followed the CCP tactics in its political struggle. It is almost unlikely that the MCP would simply act in accordance with CPSU [Communist Party of Soviet Union] instructions, as the MCP followed Mao's teaching that each individual party had to observe closely its own situation and decide its own course of action.

Berdasarkan hujahnya itu, Chin berpendapat rancangan untuk memberontak merupakan satu keputusan sendiri yang dibuat oleh kepimpinan PKM untuk menentang pihak British selaras dengan keadaan semasa yang wujud di Tanah Melayu pada ketika itu, dan bukannya berdasarkan arahan Soviet atau dipengaruhi oleh konflik Perang Dingin. Chin sebaliknya menjelaskan rancangan pemberontakan PKM berpunca daripada tekanan dalaman iaitu provokasi pihak British terhadap aktiviti komunis dan kesatuan sekerja. Bagi Chin, tindakan kekerasan British terhadap PKM dan anasir-anasirnya menggambarkan wujudnya '*...a well-planned tactic by the British to provoke the MCP to resort to armed struggle* (Chin dlm Mason, 2009: 4). Tindakan British tersebut jelas telah mempengaruhi PKM untuk menyusun rancangan pemberontakan bersenjata. Namun sebelum sempat melaksanakannya seperti yang dirancangan iaitu pada September 1948, pihak British telah bertindak lebih awal. Menurut Chin (2009: 27);

The British offensive commencing in June 1948 with the declaration of emergency in combination with mass arrests and the mobilising of forces was planned well in advanced. Though the MCP had planned to initiate the armed revolt in the month of September, the British offensive acted three months in advance and caught the MCP by surprise. This had created a chaotic situation for the MCP.

### **Antara Ortodoks dan Revisionis: Beberapa Kelemahan**

Penjelasan yang dikemukakan oleh pengkaji aliran Ortodoks yang mengaitkan Darurat 1948 dengan pemberontakan PKM dianggap lemah dan ketinggalan zaman walaupun masih terdapat sesetengah pengkaji yang terus berpegang ketat kepada pandangan aliran itu sehingga ke hari ini. Pandangan aliran Ortodoks telah dikritik hebat khususnya oleh pengkaji mutakhir, khususnya daripada aliran Revisionis kerana terlalu bergantung kepada pandangan rasmi yang dikemukakan oleh pentadbir kolonial dan sumber perisikan British tanpa bersikap lebih kritikal terhadap manipulasi pemikiran dan sejarah (Furedi, 1994b) yang sengaja dicipta dalam laporan-laporan rasmi pentadbir kolonial dan perisikan British itu.

Dari sudut ini, pengkaji aliran Revisionis mempunyai kelebihan kerana dapat meneliti rekod-rekod yang baru dikeluarkan oleh pihak Arkib Kebangsaan Britain yang mengandungi maklumat yang lebih banyak tentang isu-isu komunis, PKM dan Darurat di Tanah Melayu serta dasar dan pandangan pihak British yang lebih jelas tentang perkembangan yang berlaku pada 1940-an dan 1950-an. Dengan menggunakan bukti-bukti terbaharu daripada sumber kolonial dan sumber PKM sendiri secara kritikal, mereka telah dapat membuktikan secara kukuh, malah tanpa dapat disangkal lagi, bahawa PKM sememangnya tidak bersedia untuk

mengangkat senjata menentang British pada masa Darurat diisytiharkan pada tahun 1948. Malah sumber-sumber terbaharu itu juga menunjukkan pihak British sendiri masih ragu-ragu dalam mengaitkan keganasan yang berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1940-an dengan pemberontakan PKM secara langsung. Bahkan peristiwa pembunuhan tiga majikan Eropah yang sering dikemukakan oleh pengkaji aliran Ortodoks sebagai bukti utama pemberontakan PKM juga adalah sangat lemah kerana tidak dapat disahkan oleh British sebagai perbuatan PKM, bahkan telah dinafikan sendiri oleh Chin Peng sebagai tindakan yang dilakukan atas arahan rasmi PKM.

Para pengkaji aliran Revisionis juga mempersoalkan kesesuaian waktu Darurat itu diisytiharkan iaitu ketika PKM sedang berada dalam keadaan yang cukup lemah dan tidak bersedia. PKM sedang berpecah dan menghadapi krisis dalaman yang hebat selepas era Lai Teck, kerana didorong oleh beberapa factor, antaranya ialah banyak senjata mereka telah diserbu dan dirampas melalui maklumat yang kononnya diberikan oleh Lai Teck kepada British, tiadanya sokongan menyeluruh daripada rakyat sama ada orang Melayu mahupun orang Cina terhadap perjuangan PKM, keadaan ekonomi yang semakin baik dan keganasan gerakan kesatuan sekerja juga semakin merosot atau telah dapat dilemahkan. Oleh itu, pengkaji aliran Revisionis mempersoalkan kenapa British mengambil tindakan yang seolah-olah begitu terdesak untuk mengisytiharkan Darurat pada ketika suasana sedang semakin pulih dan PKM pula masih belum menunjukkan tanda-tanda yang jelas untuk melancarkan konfrontasi secara terbuka dengan pihak British. Walaupun akhirnya pihak British telah mengaitkan perisytiharan Darurat dengan pemberontakan dan keganasan PKM, namun keterangan daripada dokumen-dokumen baharu yang dijumpai menjelaskan British semenangnya tidak mempunyai bukti yang konkrit dan hanya memanipulasi kegawatan dan kekacauan yang berlaku di Tanah Melayu supaya dapat mengaitkannya dengan keganasan komunis. Dari satu sudut keganasan itu sering diperbesarkan dan takrifan tentang keganasan komunis telah diperluaskan mencakupi sebarang aktiviti ganas yang turut melibatkan anasir-anasir bukan komunis, termasuklah yang dilakukan oleh pihak Kuomintang.

Pengkaji Revisionis juga mengkritik pendekatan aliran Ortodoks yang terlalu memusatkan perhatian mereka kepada hanya konflik yang wujud antara PKM-British sehingga meminggirkan kaitan Darurat dengan tekanan-tekanan lain yang sedang dihadapi oleh British pada ketika itu, misalnya daripada gerakan nasionalis yang turut mencabar dan menakutkan British. Kajian menarik yang dikemukakan oleh Furedi menunjukkan bahawa Darurat bukanlah satu tindakan khusus yang hanya dilaksanakan di Tanah Melayu sahaja tetapi juga di tempat-tempat lain yang British sedang menghadapi cabaran daripada penduduk tempatan. Misalnya Darurat juga telah diisytiharkan di beberapa buah negara di Afrika bagi menghadapi ancaman gerakan antikolonial, tetapi ancaman yang dimaksudkan itu bukanlah ancaman komunis sebaliknya ancaman gerakan-gerakan nasionalis. Hal ini menjelaskan bahawa konsep Darurat itu sendiri harus diteliti semula dan perlu ditafsirkan secara lebih meluas berbanding dengan kecenderungan sempit para pengkaji aliran Ortodoks yang hanya melihatnya sebagai kempen British untuk menghadapi komunis semata-mata.

Malah bagi Furedi, Darurat 1948 di Tanah Melayu itu sendiri bukan ditujukan semata-mata terhadap gerakan komunis sebaliknya 'keganasan' komunis sengaja dicipta dan diperbesarkan untuk membolehkan British mewujudkan satu keadaan atau psikologi ketakutan yang boleh menjustifikasi perisytiharan darurat dan tindakan-tindakan keras bagi menghadapi apa juga bentuk atau gerakan penentangan terhadapnya. Darurat yang diisytiharkan oleh British di Tanah Melayu pada 1948 telah membolehkan British bertindak di luar daripada proses undang-undang biasa, antaranya menjalankan kempen peperangan

bagi menghapuskan semua sekali dan sekaligus ancaman gerakan antikolonial, termasuklah gerakan nasionalis yang tidak ada kaitannya dengan komunis. Bagi pengkaji-pengkaji Revisionis seperti Furedi, Stockwell dan Deery, tujuan sebenar British mengisytiharkan Darurat bukanlah kerana wujudnya rancangan atau bukti-bukti jelas pemberontakan PKM, tetapi sebaliknya lebih sebagai satu usaha British untuk menggunakan keadaan yang ada bagi menjamin kepentingan dan pengekalannya di Tanah Melayu.

Namun di sinilah terletak kelemahan pandangan yang dibawa oleh pengkaji-pengkaji aliran Revisionis khususnya dari Barat. Setelah menjelaskan Darurat sengaja dicipta oleh British untuk mempertahankan kepentingan penjajahnya dan melemahkan cabaran gerakan nasionalis, akhirnya mereka menjelaskan pula bahawa gerakan nasionalis yang dimaksudkan itu ialah gerakan antikolonial dan kemerdekaan yang dipimpin dan dipelopori oleh PKM. Mereka gagal melihat wujudnya kumpulan lain selain yang 'ditaja' atau 'dikuasai' oleh PKM sebagai gerakan antikolonial sebenarnya. Seperti juga pendapat aliran Ortodoks, pengkaji aliran Revisionis juga gagal untuk mengelakkan diri daripada terus 'terbelenggu' dengan mitos bahawa hanya PKM sahaja gerakan politik yang bersifat antikolonial, yang serius dan mampu mencabar British dan menjadi sasaran utama perisytiharan Darurat 1948. Oleh itu bagi Furedi, gerila komunis merupakan '*nationalist force*' sebenarnya yang telah berjuang menentang British dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu (1994a: 214) manakala Stockwell pula menegaskan komunisme di Tanah Melayu adalah gerakan nasionalis dan pejuang kemerdekaan sebenarnya dan PKM adalah '*...the only party committed to the liberation of the Malayan people*' (1993: 69) (penekanan oleh penulis).

Isu sama ada PKM merupakan pejuang kemerdekaan dan nasionalis yang cuba membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajahan telah menimbulkan kontroversi dan perdebatan ahli sejarah dan orang awam di Malaysia sehingga ke hari ini. Namun apa yang jelas, matlamat utama PKM bukan untuk mencapai kemerdekaan sebenarnya yang dapat diterima oleh seluruh penduduk Tanah Melayu, tetapi untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada negara satelit komunis dan diletakkan di bawah kekuasaan ibu negara komunis sama ada China atau Russia. Sikap yang ditunjukkan oleh PKM apabila menolak seruan pihak nasionalis, misalnya PETA di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaakob, untuk mengangkat senjata menentang British ketika berada di puncak kekuatannya menjelaskan PKM bukanlah serius menentang kolonialisme atau terlalu bermusuhan dengan British. Bahkan PKM cuba berbaik-baik dengan British dan menggunakan peluang yang ada untuk 'bersubahat' dengan pihak British. Misalnya penjelasan oleh Chin Peng sendiri menunjukkan PKM sebenarnya lebih sedia bergerak untuk terlibat dalam proses pilihanraya secara demokratik di bawah pentadbiran British berbanding mengangkat senjata menentanginya. Namun matlamat PKM tidak kesampaian apabila pihak British yang ragu-ragu dengan kesetiaan komunis tidak bersedia untuk membuka peluang kepada PKM.

Apa yang ketara ialah pengkaji aliran Revisionis dari Barat seperti Furedi gagal melihat bahawa gerakan komunis dan PKM di Tanah Melayu lebih merupakan satu unsur 'asing' dan 'pinggiran' dalam sejarah kemerdekaan Tanah Melayu. Sifat perjuangan PKM yang masih berkiblatkan semangat nasionalisme China dan orang Cina menjadikannya sebagai satu gerakan nasionalis minoriti orang asing yang hanya menumpang dan mengambil kesempatan daripada keadaan politik di Tanah Melayu. Perjuangan PKM hanya disokong oleh sebahagian kecil orang Cina dan ditolak oleh majoriti penduduk Tanah Melayu, termasuklah dalam kalangan nasionalis Melayu dan bukan Melayu sendiri yang anti-British. Walau bagaimanapun Furedi akhirnya tetap mengakui bahawa perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu tidak akan bermakna tanpa mendapat sokongan kuat daripada orang Melayu dan hal

ini sememangnya difahami oleh pihak PKM dan British sendiri. Oleh itu, kedua-dua pihak saling berlumba untuk menarik sokongan orang Melayu. Oleh kerana British melihat bahawa sokongan orang Melayu telah diberikan secara meluas kepada gerakan-gerakan kiri dan agama Melayu dan wujudnya kerjasama erat antara gerakan nasionalis Melayu dan bukan Melayu (antaranya melalui pembentukan AMCJA-PUTERA 1948) yang mungkin boleh diambil kesempatan oleh PKM, maka keadaan itulah yang menjadi sebab utama yang telah mendorong pihak British mengisytiharkan Darurat pada 1948. Bagi pengkaji Revisionis, tujuan Darurat adalah untuk membendung sokongan orang Melayu terhadap komunis. Hal ini diakui oleh Furedi (1994a: 196) yang menjelaskan;

In Malaya, one of the main motives for adopting special powers [during Emergency] was to prevent the MCP from gaining influence among the Malays. The fear that the anti-colonial movement would spread from the Chinese to the Malay communities was a constant theme in the deliberations of local administration during the first four years of the emergency. Isolating the mainly non-Malay working class from the Malay peasantry had always been an important undercurrent of British colonial policy. With the growth of the MCP within the urban and rural proletariat, the immunization of the Malay community against the virus of radical anti-colonialism became the more important. Their loyalty was a precondition for the survival of British rule. It is not surprising that during the emergency British officials were particularly sensitive to any evidence of disloyalty in the Malay community.

Kekurangan yang terdapat dalam pandangan aliran Revisionis nampaknya telah ditampung oleh pandangan-pandangan mutakhir yang dikemukakan khususnya oleh para pengkaji sejarah tempatan yang boleh dikategorikan sebagai pengkaji aliran Pasca Revisionis (antaranya Abdul Rahman Haji Ismail, 2009; Azmi Arifin, 2014; dan Mohammad Nassir Kassim, 2016). Pandangan alternatif yang dikemukakan oleh beberapa pengkaji tempatan itu menekankan kepentingan untuk melihat Darurat sebagai satu reaksi British bagi menghadapi ancaman gerakan nasionalis kiri-agama Melayu berbanding dengan ancaman komunis. Mereka cenderung menganggap gerakan komunis yang diperjuangkan oleh PKM telah gagal, tidak mendapat sokongan rakyat Tanah Melayu dan oleh itu tidak mampu mencabar sepenuhnya pemerintahan British berbanding dengan apa yang telah dilakukan khususnya oleh gerakan nasionalis kiri-agama Melayu. Pandangan alternatif ini menjelaskan gerakan nasionalis sebagai gerakan yang mendapat sokongan yang sangat meluas sehingga menimbulkan ketakutan kepada pihak British lebih-lebih lagi kerana gerakan politik itu adalah sah, diiktiraf pihak antarabangsa dan sukar untuk ditangani secara kekerasan oleh pihak British berbanding ancaman komunis. Dalam laporan-laporan perisikan dinyatakan di sana-sini tentang kebimbangan British sekiranya gabungan gerakan nasionalis Melayu-bukan Melayu melalui pembentukan PUTERA-AMCJA 1948 itu akan mewujudkan satu perpaduan kebangsaan yang kuat yang pastinya akan menjejaskan cengkaman British dan menggugat kedudukan UMNO yang disokong oleh British.

Tekanan suasana tahun 1948 yang menonjolkan cabaran utama daripada pihak nasionalis dianggap oleh pengkaji sejarah tempatan itu sebagai punca utama yang mendorong British mengambil tindakan tergesa-gesa untuk mengisytiharkan Darurat pada Jun 1948. Kebimbangan ini, jelas mereka, terserlah melalui langkah mengelirukan yang diambil oleh British sebaik sahaja Darurat diisytiharkan. Antaraanya, British telah menangkap secara

beramai-ramai golongan nasionalis kiri dan kepimpinan agama yang sesetengahnya jelas bersikap antikomunis dengan menggunakan peruntukan undang-undang Darurat yang luas dan mereka juga tidak dibicarakan atas tuduhan yang jelas. Dalam masa yang sama, British juga teragak-agak untuk mengambil tindakan mengharamkan PKM kerana dikatakan masih tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh untuk mengaitkan PKM dengan keganasan yang berlaku meskipun Darurat telah pun diisytiharkan atas nama keganasan komunis. Oleh itu, PKM tidak diharamkan sebaik sahaja Darurat diisytiharkan. Sebaliknya ahli politik dan pegawai British, setelah berdebat panjang di London tentang keperluan untuk mengharamkan PKM, hanya mengambil keputusan untuk mengharamkan PKM pada Julai 1948, iaitu sebulan selepas darurat diisytiharkan, dan setelah beberapa bulan British bertindak mengharamkan API dan menangkapnya pemimpinnya Ahmad Boestamam. Hal ini telah dipersoalkan oleh para pengkaji Pasca Revisionis yang mempertikaikan sama ada Darurat yang diisytiharkan oleh British pada 1948 adalah dilaksanakan bagi menghadapi 'pemberontakan bersenjata' PKM atau sebenarnya untuk menangani ancaman gerakan nasionalis yang mendapat sokongan kuat dan menjadi ancaman sebenar kepada kelangsungan kolonialisme British di Tanah Melayu?

### Rumusan

Berdasarkan perbincangan di atas, tulisan ini cuba menjelaskan perspektif yang dipegang oleh ahli sejarah mengikut aliran-aliran tertentu dalam membicarakan seba b utama mengapa Darurat diisytiharkan oleh pihak British di Tanah Melayu pada 1948. Ahli sejarah yang membicarakan hal ini boleh dipecahkan kepada beberapa aliran utama yang memberikan tafsiran berbeza tentang sebab utama yang mendorong perisytiharan Darurat, iaitu aliran Ortodoks, Revisionis, Neo-Ortodoks dan Pasca Revisionis.

Walaupun tidak dinafikan setiap aliran dan pendekatan yang dibawa adalah berasaskan hujah dan bukti-bukti yang tersendiri, namun kajian ini menjelaskan pendekatan Ortodoks tidak lagi sesuai untuk dipertahankan kerana mempunyai banyak kelemahannya. Kajian ini menyarankan agar ahli sejarah melihat dan meneliti semula kelompongan yang wujud dalam pensejarahan Darurat, khususnya dengan mengambil kira beberapa bukti dan hujahan kukuh yang telah dikemukakan oleh pengkaji aliran Revisionis dan Pasca Revisionis. Dengan hujah-hujah dan bukti-bukti yang dikemukakan itu, boleh dikatakan amat sukar untuk dinafikan bahawa Darurat bukan sahaja diwujudkan oleh British untuk membendung anasir komunis yang menjadi pencabarnya, tetapi juga dilaksanakan untuk menghancurkan sebarang ancaman termasuklah daripada gerakan nasionalis yang dapat menggugat kelangsungan penjajahannya di Tanah Melayu.

### Bibliografi

- A. J. Stockwell (ed.) 1995. *Malaya, Part 1: The Malayan Union Experiment, 1942-48; Malaya, Part 2: The Communist Insurrection 1948-53; dan Malaya, Part 3: The Alliance Route to Independence, 1953-57*. London: His Majesty's Stationary Office (HSMO).
- Abdullah Zakaria Ghazali, Ho Hui Ling, Mahmud Embong, 2009. *Darurat di Kelantan 1948-1960: Pengalaman dan Iktibar*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

- Brimmel, J. H. 1956. *A Short History of the Malayan Communist Party*. Singapore: Donald Moore.
- Brimmel, J. H. 1959. *Communism in South East Asia: A Political Analysis*. London: Oxford University Press.
- Brimmel, J.H. 1956. *A short history of the Malayan Communist Party*, Singapore: D. Moore.
- Cheah Boon Kheng 2009. 'The communist insurgency in Malaysia, 1948-90: Contesting the Nation-State and Social Change'. *New Zealand Journal of Asian Studies* 11 (1): 132-152.
- Cheah Boon Kheng, 1979. *The Masked Comrades: A Study of The Communist United Front in Malaya, 1945-1948*. Singapore: Times Books International.
- Cheah Boon Kheng, 1992. *From PKI to The Comintern, 1924-1941: The Apprenticeship of The Malayan Communist Party*. Ithaca: Cornell University.
- Chin Peng 2003. *My Side of History*. Singapore: Media Masters.
- Chin, A. 1994. *The Communist Party of Malaya: The Inside Story*. Kuala Lumpur: Vinpress Sdn. Bhd.
- Chin, C. C. and Hack, Karl. 2004. *Dialogues with Chin Peng: New Light on the Malayan Communist Party*. Singapore: Singapore University Press.
- Clutterbuck, R. 1967. *The Long Long War: The Emergency in Malaya 1948-1960*. London: Cassel Books.
- Clutterbuck, R. 1973. *Riot and Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*. London: Faber and Faber Ltd.
- Coates, John 1992. *Suppressing Insurgency: An Analysis of The Malayan Emergency, 1948-1954*. Boulder: Westview Press.
- Comber, L. 2009. 'The Origins Of The Cold War in Southeast Asia: The Case Of The Communist Party Of Malaya (1948-1960) – Special Branch Perspective'. *Journal of Malaysian Studies* 27 (1) & (2): 39-56.
- Comber, Leon 2008. *Malaya's Secret Police: The role of the Special Branch in the Malayan Emergency*. Singapore: ISEAS.
- Deery, Phillip 2003. 'The terminology of Terrorism: Malaya 1948-52'. *Journal of Southeast Asian Studies* 34 (2): 231-247.
- Department of Information 1951. *Communist Banditry in Malaya: The Emergency with a Chronology of Important Events June 1948-June 1951*. Kuala Lumpur: The Standard Engraves & Art Printers.
- Furedi, F. 1989. 'Britain's Colonial Emergencies and the Invisible Nationalists'. *Journal of Historical Sociology* Vol.2 (3): 240-264.

- Furedi, F. 1990. 'Britain's Colonial Wars: Playing the Ethnic Card'. *Journal of Commonwealth and Comparative Studies* 18 (1): 70-89.
- Furedi, F. 1994a. *Colonial Wars And The Politics Of Third World Nationalism*, London & New York: I.B Tauris.
- Furedi, F. 1994b. 'Creating a Breathing Space: The Political Management of Colonial Emergencies' dlm Holland R (ed.). *Emergencies and Disorder in the European Empires After 1945*. London: Frank Cass and Co.
- Gwee Hock Aun, 1966. *The Emergency in Malaya*. Penang: Sinaran.
- Hack, K. 2009. 'The origins of the Asian Cold War: Malaya 1948.' *Journal of Southeast Asian Studies* 40 (3): 471-96.
- Hanrahan, Gene Z. 1971. *The Communist Struggle in Malaya*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Harper, T. N. 1999. *The End of Empire and the Making of Malaya*. New York: Cambridge University Press.
- Ho Hui Ling 2010. 'Kegagalan Gerakan Bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM), 1948-1960: Satu Analisis'. *Malaysia dari segi Sejarah*, Bil. 38,.
- Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. 2010. *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahmud Embong 1992a, 'Penglibatan Orang Melayu dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu, 1924-1938', *Purba* 11 (2)
- Mahmud Embong, 1992b, 'Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949' dlm Kobkua Suwannathat-Pian, Rohany Nasir, Mohammad Agus Yusoff (penyt.) *Dua Dekad Penyelidikan: Sejarah-Bahasa dan Kebudayaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mason, Richard (Guest Editor), 2009. '1948 Insurgencies and the Cold War in Southeast Asia Revisited: Special Issue'. *Kajian Malaysia* 27, 1&2: 1-9.
- Miller, Harry, 1972. *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism, 1948-1960*, London: Arthur Barker Ltd.
- Miller, Harry, 1972. *Jungle War in Malaya: The Campaign Against Communism, 1948-1960*. London: Arthur Barker Ltd.

Miller, Harry. 1973. *Riot And Revolution in Singapore and Malaya 1945-1963*, London: Faber and Faber Limited.

Mohamad Amin dan Malcolm Caldwell (eds.). 1977. *Malaya: The Making of a Neo-Colony*. Nottingham: Bertrand Russell Peace Foundation.

Mohd Reduan Haji Asli 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MSS, Ind. Ocn. S251, Political Intelligence Journal, 1946-48.

O'Ballance, Edger 1960. *Malaya: The Communist Insurgent War, 1948-60*. London: Faber and Faber.

Ovendale, Richie 1982. 'Britain, the United States and the Cold War in South-East Asia, 1949-50'. *International Affairs* 58 (3): 447-464.

Purcell, Victor 1955. *Malaya: Communist or Free?* California: Stanford University Press.

Pye, Lucien W. 1956. *Guerilla Communism in Malaya: Its Social and Political Meaning*. New Jersey: Princeton University Press.

Ramlan Hamzah. 1973. 'Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan implikasinya', *JEBAT* 3/4

Short, Anthony, 1975. *The Communist Insurrection in Malaya 1948-1960*. London: Frederick Muller.

Stenton, M. 1980. *Class, Race and Colonialism in West Malaysia*. St. Lucia: University of Queensland Press.

Stockwell, A. J. 1993. 'A widespread and long-concocted plot to overthrow government in Malaya?' The origins of Malayan Emergency.' *Journal of Imperial and Commonwealth History* 21 (3): 66-88.

Stubbs, R. 1989. *Hearts and Minds in Guerilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948-1960*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.